

29/12/1998

PM adakan jamuan berbuka

KUALA LUMPUR, Isnin - Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berbuka puasa bersama pegawai kerajaan dan swasta serta editor kanan di kediaman rasminya di Sri Perdana, di sini.

Yang hadir ialah Ketua Pengarah Jabatan Penerbangan Awam, Datuk Zaini Omar, Pengerusi Eksekutif Penerbangan Malaysia Tan Sri Tajudin Ramli, Pengerusi Malaysia Airports Bhd Tan Sri Basir Ismail dan Pengarah Perubatan Institut Jantung Negara Datuk Dr Yahya Awang.

Turut hadir Ketua Pengarang Kumpulan The New Straits Times Press Malaysia Bhd, Datuk A Kadir Jasin; Pengarang Kumpulan Berita Harian Sdn Bhd Ahmad Rejal Arbee, Pengarang Kumpulan New Straits Times Sdn Bhd, Ahmad A Talib; dan Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Malaysia, Khalid Mohd.

(END)